



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	2/7/2019	MUKA SURAT	: 43
JABATAN	:	JMG		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Orang Asli Kuala Koh lega lombong mangan disita

GUAMUSANG 1 Julai - Masyarakat Orang Asli suku kaum Bateq di Kampung Kuala Koh, Pos Lebir di sini, menyambut baik tindakan tegas kerajaan negeri menghentikan aktiviti perlombongan haram yang didapati mencemarkan air sungai.

Rata-rata mereka berharap agar air sungai di kampung itu kembali 'bersih' selepas perlombongan bijih mangan di kawasan berhampiran dihentikan sejak 11 Jun lalu.

Penghulu Kampung Kuala Koh, **Mohamad Pokok** berkata, penduduk di perkampungan tersebut percaya aktiviti perlombongan bijih mangan selama ini mencemarkan air sungai sehingga memberikan kesan yang amat serius terhadap kesihatan mereka.

"Penduduk masih bimbang dengan pencemaran air sungai terbabit yang membawa jangkitan kuman kepada hampir seluruh keluarga di sini.

"Kami berasa lega apabila perlombongan bijih itu sudah diambil tindakan kerajaan negeri," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Semalam, akhbar melaporkan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob mengesahkan aktiviti perlombongan yang beroperasi tanpa kebenaran berhampiran



SEORANG penduduk Orang Asli Kampung Aring 5 menunjukkan anak Sungai Chuan yang sudah tidak boleh digunakan sejak 10 tahun lalu di Gua Musang, Kelantan, kelmarin.

Kampung Kuala Koh di sini bagaimanapun sudah disita pada 11 Jun lalu.

Perkara itu susulan syarikat terbabit tidak dibenarkan melombong sehingga mendapat skim kebenaran daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Sementara itu, seorang penduduk, **Inja Punai**, 32, pula berkata, sudah lama mereka tidak senang dengan perlom-

bongan bijih di situ.

Katanya, penduduk mahu supaya masalah itu dapat dipantau setiap masa kerana bimbang selepas disita ia masih beroperasi secara haram seperti sebelum ini.

"Kita anggap isu perlombongan bijih yang membawa kepada pencemaran air sungai kampung berkenaan dipantau setiap masa bagi mengelak berlaku masalah itu," katanya.